

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XXVI)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB. MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

18. Bagaimana kerajaan memastikan makanan ternakan adalah daripada sumber yang halal?
- (a) Bagaimana usaha pemantauan yang dilakukan?
 - (b) Senarai jenama makanan haiwan ternakan berstatus halal.

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

18. (a) Kualiti dan keselamatan makanan haiwan dikawal selia melalui kawalan pengimportan, pembuatan, penjualan dan penggunaan makanan haiwan dan bahan tambahan makanan haiwan, untuk memastikan bahawa makanan haiwan memenuhi keperluan nutrien bagi haiwan, tidak memudaratkan haiwan dan tidak tercemar supaya haiwan dan keluaran haiwan selamat untuk dimakan oleh manusia dan selamat untuk kegunaan lain dan bagi perkara-perkara lain yang bersampingan dengannya. Semua kategori pengusaha, samada pengimport, pembuat atau penjual makanan / bahan tambahan makanan haiwan perlu berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia dimana lesen dikeluarkan kepada pengimport dan sijil dikeluarkan kepada pembuat atau penjual makanan/bahan makanan haiwan tersebut. Pemantauan dan persampelan secara berkala juga dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk memastikan keselamatan makanan / bahan tambahan makanan haiwan tersebut.

- (b) Tiada jenama khusus yang diperakukan oleh pihak berkuasa namun demikian kebanyakkan makanan haiwan diformulasikan melalui sumber tumbuhan (*plant base ingredients*) dan ada yang diformulasikan daripada sumber ikan (*fish meal*) yang mana status halal tidak diragui. Bagaimanapun sekiranya formulasi makanan haiwan selain daripada bahan berkenaan, pihak Jabatan boleh membuat pemeriksaan berdasarkan aduan awam atau keperluan.

Di bawah Akta Makanan Haiwan 2009 Peraturan Peraturan Makanan Haiwan (Pelabelan Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan) 2012 dimana semua makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan dalam bungkusan hendaklah dilabelkan untuk mengenal pasti sumber sebenar.